

# Telekom umum rancangan pelaburan 3G tahun depan

Oleh Nur Lina Rasol

TELEKOM Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) akan membuat keputusan mengenai kaedah pelaburannya bagi memajukan rangkaian telekomunikasi generasi ketiga (3G) tahun depan.

Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Datuk Dr Md Khir Abdul Rahman, berkata syarikat perlu mengkaji dan menilai maklum balas pengguna mengenai perkhidmatan itu terlebih dulu.

Telekom Malaysia adalah antara dua syarikat telekomunikasi yang akan menerima spektrum perkhidmatan 3G daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) akhir bulan ini.

Dalam pelan perniagaan kepada SKMM, dua syarikat itu dijangka membelanjakan sehingga RM2 bilion dalam tempoh 15 tahun bagi pelaburan kos prasarana untuk teknologi itu.

Md Khir berkata, Telekom Malaysia akan memulakan perkhidmatan percubaan untuk rangkaian 3G tahun ini untuk menilai sejauh mana penerimaan pengguna di pasaran tempatan.

"Kami juga akan mengkaji pengalaman penyedia perkhidmatan 3G asing seperti NTT DoCoMo Inc di Jepun sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas



**KHIR (kiri) dan Abd Majid bertukar dokumen sambil diperhatikan Leo Moggie pada majlis menandatangani perjanjian antara Kolej Inti dan TMnet, semalam. - Gambar oleh Surianie Mohd Hanif**

majlis memeterai perjanjian antara TM Net Sdn Bhd (TMNet) dan Inti Universal Holdings Bhd (Inti) bagi perkhidmatan penyelesaian internet jalur lebar bersepadu di Petaling Jaya, semalam.

Turut hadir ialah Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dan Pengerusi Inti, Tan Sri Dr Abdul Majid Ismail dan Ketua Eksekutif Inti, Tan Yew Sing.

Menerusi perjanjian itu, TMNet akan membekalkan prasarana Teknologi Maklumat (IT) terdiri daripada perkhidmatan internet dan multimedia yang akan menyokong pelaksanaan inisiatif e-kampus

Inti.

Berikutan itu, Inti akan menaja kolej swasta pertama menggunakan perkhidmatan TMNet untuk menyelaraskan perhubungan antara lima kampusnya menerusi sambungan Internet jalur lebar.

Tan berkata, pelayan utama Inti bagi e-kampus akan beroperasi di Pusat Data TMNet di Brickfield mempunyai kadar sambungan Internet berkelajuan 155 megabit saat (Mbps).

"Kemudahan yang disediakan akan mewujudkan landasan e-komuniti untuk meningkatkan komunikasi dan interaksi serta membekalkan pelajar mengakses kandungan e-pembelajaran tidak kira mana mereka berada," katanya.

Tan berkata, pelaksanaan penyelesaian Internet jalur lebar bersepadu itu dijangka memerlukan pelaburan minimum sekitar RM1 juta.

Sementara itu, Md Khir berkata pengguna perkhidmatan Inter Jalur Lebar Streamyx dijangka meningkat kepada 200,000 menjelang akhir tahun ini daripada 50,000 yang sedia ada.

"Pengguna perkhidmatan itu meningkat dengan mendadak selepas pengenalan kadar baru Streamyx pada tahun lalu," katanya.

Menerusi kadar baru itu pengguna korporat perkhidmatan Internet jalur lebar berkelajuan tinggi TMNet Streamyx menikmati perkhidmatan 63 peratus.